

27 DISEMBER 2018 (KHAMIS)

Nasib anak yatim, miskin terus dibela

TEMERLOH - Masjid Temerloh Jaya turut tidak ketinggalan membantu menjelang sesi persekolahan yang membuka tirainya minggu depan.

Seramai 50 murid terdiri anak yatim dan miskin mendapat perhatian pengurusan masjid tersebut untuk menerima bantuan wang tunai bagi sesi persekolahan 2019, kelmarin.

Pengerusinya, Dr Abdullah Ismail berkata, pengurusan masjid menyalurkan sumbangan RM7,500 bagi program tersebut.

Menurutnya, setiap murid menerima RM150 dan beliau berharap bantuan itu dapat meringankan beban keluarga mereka.

"Bantuan ini hasil sumbangan ahli-ahli

kariah masjid yang turut peka dengan nasib golongan tidak berkemampuan.

"Ini adalah acara tahunan yang dijalankan oleh pihak masjid sejak beberapa tahun lalu," katanya.

Menurutnya, beliau juga menghargai keprihatinan penyumbang bagi program tersebut.

"Kami berharap sumbangan ini dimanfaatkan sebaik mungkin untuk menghadapi sesi persekolahan dan anak-anak ini lebih bersemangat untuk sesi pembelajaran mereka nanti," katanya.

Penyerahan sumbangan diadakan selepas solat Maghrib di masjid itu.

Turut diadakan, kuliah Maghrib yang disampaikan oleh penceramah tetap, Razemi Kassim.



Abdullah (tiga, kanan) bersama sebahagian penerima terpilih yang mendapat bantuan untuk sesi persekolahan 2019.